

12 JAN 2002

Dr Mahathir-Pengganas (Bergambar)

PM YAKIN MILITAN DI SINGAPURA ADA KAITAN DENGAN MILITAN DI M'SIA

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau yakin rangkaian gerakan militan di Singapura mempunyai kaitan dengan kumpulan militan yang disyaki bergerak di Malaysia.

Dr Mahathir berkata buat masa ini Kerajaan mendapati kumpulan pengganas di Malaysia ada kaitan dengan kumpulan pengganas di Indonesia dan Filipina.

"Ia ada kaitan dengan Indonesia, Malaysia dan Filipina. Saya yakin Singapura juga...tetapi saya tidak ada fakta-fakta," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas menghadiri Rumah Terbuka Aidilfitri Perbendaharaan, di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada sekumpulan 15 orang yang ditangkap oleh pihak berkuasa Singapura kerana disyaki pengganas mempunyai hubungan dengan Kumpulan Militan Malaysia (KMM).

Ketika ditanya mengenai kenyataan kerajaan Singapura semalam bahawa anggota gerakan militan negara itu menyimpan di Malaysia empat tan ammonium nitrat, iaitu bahan untuk membuat bom, Dr Mahathir berkata beliau masih belum menerima maklumat lanjut mengenainya.

Kerajaan Singapura dalam memberi butir lanjut mengenai tangkapan anggota gerakan militan berkenaan semalam, mendedahkan sebanyak empat tan bahan itu disimpan di negara ini oleh rakyat Malaysia Faiz Abu Bakar Bafana, 36.

Faiz, seorang ahli perniagaan dan bekas rakyat republik itu ditangkap oleh pihak berkuasa Singapura bersama 14 lagi pada bulan lepas kerana disyaki anggota kumpulan pengganas.

Kumpulan yang ditahan di republik itu dikatakan mempunyai kaitan dengan kumpulan rahsia Jemaah Islamiah dan mereka telah diminta supaya mendapatkan sejumlah 17 tan ammonium nitrat bagi membuat bom trak.

Bagaimanapun rancangan kumpulan itu gagal apabila seorang anggotanya Mohd Elias Mohamed Khan ditangkap semasa cuba membelinya.

Perdana Menteri dalam satu wawancara khas yang disiarkan oleh majalah Jepun 'Chuokoron' yang diterbitkan dua hari lepas dilaporkan berkata kerajaan mendapat maklumat 50 rakyat negara ini mempunyai pertalian dengan KMM yang dikenal pasti mempunyai hubungan dengan rangkaian pengganas al-Qaeda yang dipimpin oleh Osama bin Laden.

Majlis hari ini yang turut dihadiri oleh isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali diadakan bagi meraikan warga Perbendaharaan sempena sambutan Aidilfitri.

-- BERNAMA

NM ZS PR